



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	28.07.22	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JPSM			

Khamis, 28 Julai 2022

Komentor

11

Hentikan perang mulut, dedahkan punca bencana Gunung Inas



Wartawan BH

Oleh M Hizuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Saya bersama rakan bekas wartawan BH Kedah, Muhammad Mustakim Ramli, mula menulis mengenai keluhan penduduk di Kampung Iboi, Kupang, berhadapan masalah bekalan air masyarakat menjadi umpama teh tarik bermula penghujung 2019.

Ketika itu, kami tidak menyangka masalah air keruh dan banjir akibat limpahan air Sungai Kupang setiap kali hujan lebat akan menjadi sebesar yang terjadi pada petang 4 Julai lalu.

Pada masa itu, kami hanya mendengar rungutan beberapa penduduk berhadapan masalah banjir lumpur, selain sempat berdiri atas batu di tengah Sungai Kupang bagi merakamkan gambar air sungai bertukar warna keperangan.

Tiada siapa menduga pada awal pagi 5 Julai lalu, saya kembali ke Kampung Iboi atau lebih tepat di Lata Chelak yang menjadi lokasi 'ground zero' bencana banjir dan aliran piung Gunung Inas.

Tidak kelihatan lagi jambatan kecil dan rumah penduduk yang pernah kami temu bual dulu, sebaliknya ia bertukar menjadi lokasi bencana apabila bongkah batu dan batang kayu meranapkan segala struktur sekitar Lata Chelak.

Kerosakan teruk akibat bencana

Saya hampir tidak mengenali kawasan pernah saya kunjungi tiga kali dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini, dek kerana teruknya kesan kerosakan disebabkan aliran piung meranapkan apa sahaja di laluan.

Mengimbau kembali liputan berita di Kampung Iboi pada hujung Oktober 2019, kami dibawa penduduk melihat empangan kecil atau dikenali sebagai tandak air dibina di sungai kecil di kawasan berbukit berdekatan Gunung Inas bagi digunakan

sebagai sumber air bersih kepada kira-kira 2,000 penduduk sejak lebih 30 tahun lalu.

Pada masa itu, saya kurang memahami mengapa penduduk terpaksa menggunakan air diambil dari bukit, sedangkan kediaman mereka mempunyai sistem bekalan air dibekalkan Syarikat Air Darul Aman (SADA) berdasarkan meter dipasang.

Selepas diterangkan Pengerusi Bekalan Air Masyarakat Kampung Iboi, Malik Arshad, ketika itu baru saya memahami sistem SADA dikatakan tidak mampu mengempam air ke penempatan terletak di hujung sistem menyebabkan paip dipasang sekadar mengeluarkan tekanan angin sahaja.

Disebabkan itu sejak lebih 30 tahun lalu, penduduk terpaksa bergantung kepada sistem bekalan air bukit yang dibina apabila paip sepanjang lebih 10 kilometer mampu disambung ke setiap rumah di kawasan Kampung Iboi dan sekitarnya.

Bekalan air masyarakat menjadi pilihan penduduk kerana caj dikenakan rendah, iaitu sekitar RM5 sahaja sebulan, berbanding jika menggunakan air dibekalkan SADA, selain tidak perlu bimbang kemungkinan terputus bekalan air seperti didakwa kerap berlaku. Bagaimanapun, mereka mendakwa masalah terjadi apabila berlaku aktiviti penerokaan di puncak Gunung Inas yang di-

katakan bermula sejak 2008 menyebabkan bekalan air masyarakat menjadi keruh selain mengakibatkan limpahan Sungai Kupang.

Sumber air mentah utama

Sungai Kupang antara sungai penting di Kedah kerana bekalan air bersihnya turut mengalir ke sungai utama lain antaranya Sungai Ketil dan Sungai Muda yang menjadi sumber air mentah utama penduduk di negeri ini dan Pulau Pinang.

Perang mulut dan tuding-menuding mula berlaku antara kepimpinan negeri ketika ini dan bekas Menteri Besar lain bagi mempertahankan tindakan serta keputusan meneroka Gunung Inas, menanam pokok getah klon balak (TLC) hingga projek ladang durian Musang King dilaksana.

Masing-masing mengeluarkan hujah dan fakta secara asasnya dibuat demi memastikan kepentingan rakyat terbela serta negeri pula mendapat faedah jangka panjang.

Hakikatnya, apa sahaja hujah dan fakta dikeluarkan tidak dapat mengubah nasib kira-kira 800 penduduk terjejas dan mengembalikan nyawa tiga penduduk termasuk seorang ibu hamil empat bulan terkorban.

Usaha ketika ini sepatutnya tertumpu kepada membantu kira-kira 100 mangsa yang sebelum ini tinggal di 17 rumah yang ranap sepenuhnya akibat dihempas bongkah batu dan batang pokok hanyut dalam kejadian berkenaan. Janji membina semula rumah di tapak baharu di Desa KEDA Kampung Sadek perlu dilakukan secepat mungkin.

Pada masa sama, kerajaan negeri diminta telus mendedahkan punca sebenar kejadian bencana tanpa cuba melindungi mana-mana pihak atau syarikat terbahit secara langsung dalam projek ladang durian di puncak Gunung Inas berkenaan.

Ja penting dalam memastikan adakah kejadian itu berlaku akibat bencana alam sekitar atau kerosakan akibat tangan manusia yang akhirnya mengakibatkan tragedi melanda.



Kediaman penduduk musnah akibat tragedi banjir di Baling, baru baru ini. (Foto hiasan)

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber

Asli No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web :

www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia